

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENGECUALIAN KAWAL SELIA LPG DI SARAWAK DI BAWAH AKTA KEMAJUAN PETROLEUM 1974 DAN AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PUTRAJAYA, 31 Mei 2021 – Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberi pengecualian kepada pengedar-pengedar Gas Petroleum Cecair (“LPG”) di Sarawak daripada memohon kebenaran dan lesen daripada Kerajaan Persekutuan bagi pengedaran LPG di Sarawak mulai 1 Jun 2021.

2. Keputusan ini dibuat di dalam Mesyuarat Majlis Khas Bagi Menyemak Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) pada 13 April 2021 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dihadiri oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, YAB Ketua Menteri Sabah serta Menteri-Menteri Persekutuan.

3. Mesyuarat Majlis Khas tersebut telah bersetuju supaya pengecualian diberikan kepada pemegang-pemegang Lesen *Distribution of Gas Ordinance* (“DGO”) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak daripada keperluan mendapatkan Kebenaran PDA di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (“PDA”) dan Lesen CSA di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (“CSA”).

4. Pada masa ini, kawal selia bagi kedua-dua kebenaran dan lesen tersebut terletak di bawah KPDNHEP. Selaras dengan persefahaman supaya Sarawak mengawalselia sendiri tadbir urus industri hiliran gas serta untuk meningkatkan *ease of doing business*, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya pengecualian daripada memperoleh Kebenaran PDA dan Lesen CSA diberikan kepada pemegang lesen DGO di Sarawak.

5. Menerusi pengecualian ini, pemborong dan peruncit LPG di Sarawak hanya memerlukan lesen DGO sahaja daripada Kementerian Utiliti Sarawak dan tidak lagi perlu memohon Kebenaran PDA dan Lesen CSA daripada KPDNHEP. Pelaksanaan pengecualian ini diharapkan akan meningkatkan keberkesanan operasi dan aktiviti pengedaran LPG di Sarawak.

6. KPDNHEP sentiasa komited dan sedia bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah dalam usaha merencanakan aktiviti perdagangan domestik bagi meningkatkan ekonomi Sabah dan Sarawak khususnya serta Malaysia secara amnya.

**YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Putrajaya
31 Mei 2021**

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

